

PM: Ekuiti bumiputera belum tepati sasaran

UM-16/9/2004: 2 Perdana

KUALA LUMPUR 15 Sept. — Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menjelaskan kerajaan sedang melakukan pelbagai tindakan untuk meningkatkan pemilikan ekuiti bumiputera yang pada masa ini masih jauh daripada sasaran.

Perdana Menteri berkata, pada masa ini pemilikan ekuiti bumiputera ialah RM73.2 bilion atau 18.7 peratus.

“Tindakan-tindakan yang sedang dilaksanakan oleh kerajaan termasuk menambahkan sumber pembiayaan modal bagi program pembangunan keusahawanan dan pengembangan perniagaan.

“Penumpuan diberikan kepada bidang berteknologi serta perniagaan kecil dan sederhana melalui dana Modal Teroka serta Tabung Industri Kecil dan Sederhana,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam jawapan bertulis kepada soalan **Datuk Panglima Mohd. Salleh Tun Said (BN-Kota Belud)** yang ingin mengetahui peratus ekuiti bumiputera dan langkah-langkah bagi meningkatkan ekuiti tersebut pada persidangan Dewan Rakyat di sini, hari ini.

Perdana Menteri memberitahu, kerajaan juga sedang mem-

pergiat dan mempertingkat pelaksanaan program pembangunan keusahawanan seperti skim francais dan vendor di peringkat negeri melalui pembangunan produk tempatan.

Jelasnya, kerajaan juga sedang mengenal pasti produk francais luar negara dan menyediakan kemudahan pembiayaan melalui skim pembiayaan francais dan skim bantuan pembangunan francais.

Di samping itu, kata beliau, usaha turut dilakukan dalam usaha meluaskan latihan keusahawanan, pengurusan, kawalan kewangan dan pemasaran bagi

meningkatkan keupayaan usahawan bumiputera serta mengubah cara pemikiran mereka.

“Syarikat bumiputera juga digalakkan menyusun semula perniagaan dan memperkukuh kedudukan bagi menghadapi cabaran globalisasi dan mengambil peluang dari perniagaan yang semakin berkembang.

“Syarikat terbabit juga digalakkan untuk mengadakan perkongsian pintar dengan syarikat bukan bumiputera dan asing dengan memainkan peranan penting di dalam syarikat usaha sama yang diwujudkan,” katanya.